



PERUTUSAN PENGERUSI

YAB PERDANA MENTERI

**MESYUARAT
MAJLIS PERANCANG FIZIKAL NEGARA KE-37
(BIL. 1/2021)
6 MEI 2021 (KHAMIS)
JAM 3.00 PETANG**

(SECARA PERSIDANGAN VIDEO SEPENUHNYA)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

YAB/ YB/ YBhg./ Tan Sri, Dato'- Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

1. Syukur Alhamdulillah kerana dengan izin-NYA kita dapat bersama di dalam **Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Ke-37** yang merupakan **mesyuarat pertama** bagi tahun 2021.
2. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada **Ketua Pengarah PLANMalaysia yang baharu, *Town Planner (TPr) Geospatialist (Gs) Dr. Shamsaini binti Shamsuddin***, yang juga merupakan Setiausaha kepada MPFN ini.

YAB/ YB/ YBhg./ Tan Sri, Dato'- Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Walaupun kita masih berdepan dengan pandemik Covid-19, pembangunan mesti diteruskan bagi memastikan ekonomi negara terus kukuh dan mampan. Justeru **Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian** perlu terus berganding bahu bersama **Kerajaan Negeri mengambil**

langkah proaktif untuk merangsang pembangunan ekonomi di dalam negara dan negeri masing-masing.

4. Saya difahamkan terdapat empat (4) kertas cadangan projek pembangunan yang akan dibentangkan dalam mesyuarat pada kali ini untuk pertimbangan dan nasihat MPFN. Justeru, saya menyeru semua pihak untuk **mempermudah dan mempercepatkan proses kelulusan projek-projek pembangunan** ini agar ekonomi negara dapat berkembang dengan lebih positif.
5. Negeri-negeri juga perlu bersedia untuk **pembukaan sektor ekonomi yang melibatkan hubungan dengan negara luar**, terutama negara-negara ASEAN. Kita perlu menyediakan rancangan serta pakej yang bersesuaian untuk menarik lebih banyak pelaburan langsung asing (*Foreign Direct Investment – FDI*).

YAB/ YB/ YBhg./ Tan Sri, Dato'- Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

6. Melalui pembentangan Bajet 2021, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM7.4 bilion untuk memperluas perkhidmatan jalur lebar. **Infrastruktur telekomunikasi telah diiktiraf sebagai utiliti ketiga** (selepas air dan elektrik) dan perlu diberi keutamaan

dalam setiap cadangan projek pembangunan. Saya berharap semua Kerajaan Negeri akan **mempercepatkan pengiktirafan infrastruktur telekomunikasi ini sebagai utiliti ketiga** bagi memastikan infrastruktur utama untuk menjayakan **Dasar Digital Negara** dapat disediakan dengan sebaiknya.

7. Penyediaan infrastruktur telekomunikasi yang efisien juga amat penting untuk menyokong pengurusan data yang efektif. **Data adalah sangat penting untuk memastikan ketepatan sesuatu tindakan yang diambil.** Dalam aktiviti perancangan dan pembangunan fizikal negara, **kebergantungan kepada data yang telus dan tepat** sangat diperlukan untuk memahami sesuatu isu dan memastikan pengurusan sumber yang berkesan ke arah pencapaian pembangunan mampan (*sustainable development*) di dalam negara.
8. Sebagai contoh, dalam menangani penularan Covid-19 ini, segala tindakan yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah **bersandarkan kepada data dan fakta yang telus dan tepat (evidence-based).** **Naratif data yang jelas dan konsisten** adalah perlu bagi mengelakkan salah faham dan kekeliruan di kalangan masyarakat umum.

9. Saya juga difahamkan bahawa pada hari ini, beberapa kertas yang akan dibentangkan menyentuh tentang **kepentingan data dan aplikasi pengurusan data ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih efektif dan efisien**. Sama-samalah kita nantikan pembentangan kertas-kertas berkenaan untuk pertimbangan Majlis pada petang ini.

Seterusnya, saya serahkan kepada YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk meneruskan agenda.